

MENANGANI KEMISKINAN RAKYAT MARHAEN

Isu kemiskinan merupakan isu universal yang bukan hanya berlaku di negara ini, malah di seluruh dunia, termasuklah negara maju seperti Amerika Syarikat. Semakin maju dan kaya sesebuah negara, pastinya muncul rakyat yang tidak bernasib baik disebabkan oleh pelbagai faktor dan keadaan.

Kemiskinan dan jurang agihan pendapatan merupakan dua permasalahan besar yang boleh menyebabkan berlakunya ketidaktentuan ekonomi, sosial dan politik sesebuah negara. Hal ini bukanlah perkara baharu, terutamanya melibatkan orang Melayu yang pernah membawa kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baharu (DEB) dan pelbagai polisi, seterusnya untuk menangani keadilan dan kesaksamaan kemiskinan antara kaum di negara ini.

Kini, pandemik COVID-19 pula memberikan impak besar kepada sistem politik, ekonomi, sosial, kesihatan dan pendidikan. Ekoran itu, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun situasi ini memberikan impak terhadap sektor pekerjaan sehingga terpaksa menghentikan operasi dalam tempoh yang panjang. Penutupan perniagaan ketika PKP menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan, termasuklah gaji pekerja dan lebih malang lagi terpaksa menamatkan perkhidmatan pekerja mereka.

Natijahnya, kadar pengangguran pada suku tahun pertama meningkatkan sebanyak 3.9 peratus berbanding dengan 3.3 peratus pada tahun 2019. PKP membentuk satu jenis kemiskinan yang jarang dibicarakan dalam konteks Malaysia, iaitu “dimensi baharu

kemiskinan”. Dalam erti kata lain, seseorang menjadi miskin disebabkan oleh keadaan tertentu yang tidak dijangka sehingga menyebabkan kehilangan punca pendapatan apabila kehilangan pekerjaan atau gaji dipotong separuh. Hal ini memanasifasikan pekerja bukan sekadar tidak mempunyai sumber pendapatan atau pendapatan dikurangkan, malah dihimpit dengan hutang serta tidak mempunyai simpanan yang mencukupi.

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), hampir semua responden yang bekerja sendiri hilang punca pendapatan. Hasil dapatan menunjukkan kebanyakan mereka mengalami penyusutan simpanan (65 peratus), peningkatan kos utiliti (37.3 peratus) dan hutang (27.2 peratus). Wang simpanan juga dilaporkan tidak mampu bertahan lama, iaitu hanya 28 peratus mampu bertahan dalam tempoh dua minggu ke bawah, manakala 29.8 peratus bertahan dalam tempoh dua hingga empat minggu.

Selain itu, COVID-19 memberikan impak dari segi jurang digital yang semakin melebar, akses kepada pendidikan dalam talian dan perkhidmatan kesihatan yang tidak sama rata. Kehidupan rakyat dilihat terbeban dengan masalah kewangan, kesihatan mental dan pergolakan rumah tangga yang semakin meruncing. Kisah kemiskinan masyarakat Malaysia bukan hanya melibatkan kekangan kewangan semata-mata, namun bersifat multidimensi dan menyentuh pelbagai aspek kehidupan. Dari sudut kepelbagaian dimensi

kemiskinan, pandemik memberikan impak yang berbeza terhadap seseorang individu ataupun masyarakat, khususnya golongan wanita.

Kesempitan hidup masyarakat marhaen bertambah parah sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Kebanyakan rakyat terpaksa menggadai harta benda, seperti barangan kemas serta menjual kenderaan untuk mendapatkan wang bagi memulakan perniagaan atau membeli peranti kepada anak-anak mereka untuk meneruskan persekolahan secara dalam talian. Sementara itu, kehidupan di bandar besar bermakna wang tunai perlu dijana sehingga menyebabkan golongan miskin perlu terbabit dalam pasaran pekerjaan. Walau bagaimanapun, wujud halangan utama dalam pasaran pekerjaan bukan kerana kekurangan penawaran atau peluang terhad, namun disebabkan kurangnya kemahiran diri dan keupayaan ke tempat kerja rentetan masalah pengangkutan dan kemudahan penjagaan anak, serta isu sosial.

Realitinya, pembangunan dan perkembangan ekonomi negara seiring dengan peningkatan taraf sosioekonomi penduduk. Pengukuran kemiskinan perlu diberikan perhatian terhadap penggubal dasar dalam merangka program pembasmian bersesuaian. Kemiskinan bandar mencerminkan pelbagai kekurangan ketara apabila dimensi utamanya merangkumi ketidakcukupan atau ketidakstabilan pendapatan isi rumah, perumahan berkualiti rendah, diskriminasi dan kemudahan terhad kepada pasaran buruh secara formal, terutamanya wanita dan kumpulan etnik tertentu. Dalam keadaan Malaysia yang semakin membangun, isi rumah B40 tidak wajar dipinggirkan supaya dapat menikmati peluang daripada kemakmuran negara.

Sejajar dengan itu, pengiraan semula nilai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada tahun 2019 melalui kajian Unit Perancang Ekonomi (EPU) dikemas kini dengan mengambil kira pendapatan, simpanan, pendidikan, kesihatan dan dimensi lain yang lebih holistik. Kadar baharu sebanyak RM2208 sebulan bagi setiap isi rumah berdasarkan metodologi tahun 2019 berbanding dengan kadar RM980 sebulan mengikut metodologi tahun 2005.

Melalui kadar baharu, sebanyak 182 100 orang atau 12.4 peratus penduduk di luar bandar dikategorikan sebagai miskin, yakni lebih dua kali ganda berbanding dengan kadar kemiskinan nasional, iaitu 5.6 peratus. Jumlah penduduk bandar jatuh dalam kategori miskin adalah lebih tinggi, iaitu 223 300 orang walaupun peratusan jauh lebih sedikit (3.8 peratus). Oleh hal yang demikian, pengenalan kadar PGK baharu ini bertepatan dengan realiti kehidupan rakyat bagi membolehkan strategi dan pendekatan yang lebih tepat dirangka dalam pelaksanaan dasar dan program kerajaan, khususnya berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dan peningkatan taraf sosioekonomi.

Bagi membendung kesan dimensi baharu kemiskinan bandar, kerajaan mengumumkan pelbagai langkah dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Langkah terbabit bukan sahaja boleh mengurangkan kebarangkalian individu tertentu terjebak dalam dimensi baharu kemiskinan, malah membantu individu miskin situasi untuk bertahan sementara dan seterusnya mengutar langkah untuk kembalikan kehidupan asal.

Berikutan penguatkuasaan PKP dalam tempoh yang panjang, hal ini turut menyingkap kerapuhan kewangan rakyat, lebih-lebih lagi individu yang hanya bergantung pada perniagaan kecil. Kesannya, kita melihat kemunculan golongan “miskin baharu” atau golongan “miskin berbeza”. Kajian Bank Dunia pada tahun lalu mengatakan kumpulan miskin baharu ialah golongan yang dahulunya dalam kategori “bukan miskin”, namun kini jatuh miskin akibat krisis.

Sudah tentu tidak mudah menguruskan masalah klasifikasi kemiskinan apabila masing-masing lebih memberikan keutamaan pada pembasmian COVID-19. Sekiranya isu pengukuran kemiskinan wujud daripada pelbagai dimensi ini tidak diusahakan, negara akan terus berdepan

dengan isu yang sama. Ketika Forum Bandar Malaysia 2020 (MUF) anjuran Urbanice Malaysia pada 27 hingga 28 September tahun lalu, isu kemiskinan bandar menjadi antara topik perbincangan utama untuk pencapaian agenda pembangunan negara yang mampan. Antara cadangan menangani kemiskinan bandar, termasuklah memperkasakan dan mempertingkatkan daya tahan golongan miskin bandar, membangunkan dasar inklusif dan promiskin untuk pembangunan bandar dan membangunkan pangkalan data miskin bandar.

Kerajaan komited untuk mencapai sasaran membasmi golongan miskin tegar menjelang tahun 2025. Baru-baru ini, sebuah kampung di daerah Sik, Kedah dipilih sebagai kawasan untuk projek rintis untuk membasmi kemiskinan tegar secara holistik. Pendekatan usaha tersebut merupakan sebahagian daripada langkah pelaksanaan strategi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang meletakkan sasaran untuk menghapus kemiskinan tegar pada tahun 2025 dengan mentransformasikan pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar.

Selain itu, program rintis membasmi kemiskinan tegar ini dilaksanakan di beberapa lokaliti lain seluruh negara. Pelaksanaan pendekatan baharu ini memerlukan pangkalan data yang tepat. Oleh itu, pemutihan data eKasih sedang dilaksanakan oleh pihak Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) bagi memastikan ketelusan dan ketepatan maklumat kumpulan sasar. Hal ini amat penting agar segala program dan strategi memenuhi dan mencapai matlamat terhadap golongan sasar.

Pandemik dan kitaran ekonomi menyebabkan ekonomi dunia semakin tidak menentu dalam pasaran antarabangsa. Kebimbangan tentang krisis hutang kenaikan harga barangan, faktor pengeluaran, harga rumah dan lain-lain boleh menyebabkan krisis berulang atau kemelesetan berganda (*double dip recession*). Semuanya berlaku kerana faktor lebihan dan kekurangan dalam ekonomi masih belum berada pada paras yang stabil walaupun kitaran ekonomi telah berlalu begitu juga kejutan pandemik sudah menjadi endemik.

Tanpa satu pakej rangsangan yang besar untuk menangani kemelut pandemik khususnya kepada golongan sasar, pemulihan ekonomi sahaja tidak memadai

untuk menstabilkan negara. Perbelanjaan yang besar meningkatkan permintaan agregat dan merangsang ekonomi dalam pelbagai sektor ekonomi. Hal ini memberikan kesan pengganda kepada pendapatan, seterusnya meningkatkan lagi permintaan yang boleh memacu pertumbuhan ekonomi. Pada ketika ini, kita bernasib baik kerana nilai dagangan global yang meningkat secara spontan kesan daripada pandemik akibat meningkatnya keperluan dan kurangnya bekalan.

Dengan keadaan ekonomi Amerika dan China yang masih belum kukuh, peramal ekonomi menjangkakan bahawa negara akan menghadapi satu lagi siri kemelesetan berganda. Hal ini berlaku apabila Perang Perdagangan Global menyebabkan aliran dagangan menjadi tidak seimbang, tidak bermuafakat, kurang bermusyawarah dan sentiasa bertanding secara tidak sihat bagi kepentingan sesebuah negara. Perjanjian perdagangan dalam kalangan negara kuasa besar memainkan peranan kepada pemulihan global yang lebih meyakinkan.

Pengurusan ekonomi mesti berasaskan sistem ekonomi yang menjadi tunjang kepada segala polisi dasar strategi dan program pelaksanaan serta penyampaian. Tersilapnya memilih sistem akan merencatkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang teranglum mapan dan adil, serta memenuhi kehendak semua berbanding dengan hanya kepentingan segelintir yang sebenarnya kita tidak sedari selama ini. Sejajar dengan itu, usaha dan kajian di lapangan secara empirikal melalui penggunaan data yang telus dan tepat serta signifikan perlulah diteruskan.

Sebaik-baiknya sistem ekonomi dan kewangan Islam dilihat lebih bermanfaat selagi pelaksanaannya dipantau dan dikemas kini pada setiap tempoh pemantauan dan pelaksanaan agar setiap sasaran dapat dicapai semaksimum mungkin supaya permasalahan ekonomi, sosial dan negara dapat dicapai dengan lebih mudah dan terancang.

Belanjawan 2022 merupakan satu inisiatif untuk memulihkan ekonomi domestik melalui peruntukan yang terhad. Impaknya dijangka agak lewat dan perlahan ketika hutang negara sudah mencapai sekitar 63 peratus. Tiada peruntukan yang mampu memberikan impak yang besar dalam bentuk pakej rangsangan bersaiz besar yang mampu memberikan impak dan usaha memacu ekonomi sebagaimana yang diperlukan dalam keperluan pemulihan segera bagi memperbaiki tahap kesejahteraan rakyat. □